

Perkahwinan Campur Kedatuan-Idahan dan Hubungannya dengan Perkembangan Islam di Lahad Datu, Sabah

Intermarriage of Kedatuan-Idahan and Its Relations with the Development of Islam in Lahad Datu, Sabah

ROSDIANA ONGA & SURAYA SINTANG

ABSTRAK

Sejarah mencatatkan perkahwinan campur antara Datu yang berasal dari Kepulauan Sulu dengan wanita Idahan telah berlaku sejak abad ke-17. Hasil perkahwinan campur antara keduanya telah melahirkan pewaris yang dikenali sebagai Kedatuan-Idahan. Kertas kerja ini membincangkan sejarah perkahwinan campur Kedatuan dan Idahan di Sabah yang menyumbang kepada pengukuhan identiti Islam dalam kalangan penduduk pantai timur Sabah. Kajian ini melibatkan pengumpulan data menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan kandungan analisis teks dan temubual secara mendalam bersama informan utama (key informants) terpilih di beberapa perkampungan masyarakat Idahan di Lahad Datu. Hasil kajian menunjukkan perkahwinan antara Datu daripada kepulauan Sulu dengan wanita Idahan telah melahirkan pewaris yang mempunyai hubungan kekerabatan dengan kesultanan Sulu. Hubungan kekerabatan ini dipercayai menguatkan lagi penguasaan kegiatan ekonomi sarang burung yang mendapat permintaan yang tinggi daripada pedagang China. Dapatan kajian juga menunjukkan pembawaan gelaran Datu dan Dayang pada pangkal nama pewaris Kedatuan mengukuhkan lagi identiti Islam dalam kalangan masyarakat pantai timur Sabah. Kajian turut mendapati perkahwinan Kedatuan-Idahan telah memberi impak kepada kedudukan politik masyarakat Idahan di kawasan Teluk Darvel dan turut menyumbang kewujudan petempatan awal masyarakat Islam di pantai timur Sabah. Peranan Kedatuan turut menjelaskan peri pentingnya kedudukan mereka sebagai pemimpin beragama Islam di daerah Lahad Datu dan penglibatan mereka dalam Suruhanjaya Cobbold sehingga pembentukan Malaysia.

Kata kunci: Kahwin campur; Idahan; Datu; Sulu; perkembangan Islam

ABSTRACT

History records that intermarriage between Datu from the Sulu Island with Idahan women has occurred since the 17th century. The result of intermarriage between the two had given birth to heirs known as Kedatuan-Idahan. This paper discusses the history of Kedatuan and intermarriage in Sabah, which contributed to the strengthening of Islamic identity among the people of the east coast of Sabah. This study involves data collection using qualitative methods based on textual content analysis and in-depth interviews with selected key informants in several villages of the Idahan community in Lahad Datu. The study results show that the intermarriage between a Datu from the Sulu Island and an Idahan woman has produced an heir with a kinship relationship with the Sulu sultanate. This kinship relationship strengthens the dominance of the bird's nest economic activity, which is in high demand from Chinese traders. The findings of the study also show that carrying the title of Datu and Dayang at the base of the heir's name to the Kedatuan further strengthens the Islamic identity among the people of the east coast of Sabah. The study also found that the Kedatuan-Idahan intermarriage impacted the Idahan community's political position in the Darvel Bay area and contributed to the early settlement of the Muslim community on the east coast of Sabah. The role of Kedatuan also explains the importance of their position as Muslim religious leaders in the Lahad Datu district and their involvement in the Cobbold Commission until the formation of Malaysia.

Keywords: Intermarriage; Idahan; Datu; Sulu; Islamic development

PENGENALAN

Perkahwinan campur adalah hasil interaksi dan komunikasi antara individu daripada pelbagai latar belakang budaya, bangsa dan agama. Perkahwinan campur boleh didefinisikan sebagai perkahwinan yang melibatkan pasangan berlainan etnik, perkahwinan berlainan ras (berbeza warna kulit), perkahwinan berlainan bangsa (melibatkan berbeza warganegara) dan perkahwinan berlainan agama (melibatkan pasangan yang kekal dengan agama masing) (Budi Anto & Saidatul Nornis, 2020). Perkahwinan campur sering menjadi salah satu sebab kemunculan identiti baru dalam suatu komuniti yang mungkin hidup bersama-sama dalam suatu tempat mahupun tempat yang berasingan. Ia merupakan satu fenomena sosial yang berlaku sejajar dengan pertembungan kontak dan interaksi antara etnik sehingga membentuk komuniti Peranakan seperti Cina Peranakan dan Punjabi Sikh (Pue Giok Hun, 2015). Berdasarkan Jabatan Statistik Malaysia 2019, hampir 11 peratus daripada jumlah perkahwinan yang didaftarkan pada tahun 2019 (22,134 daripada 203,821 jumlah perkahwinan) adalah melibatkan perkahwinan campur daripada pasangan beza etnik. Ia merupakan peningkatan sembilan peratus yang dicatatkan pada tahun 2018 (18,620). Peningkatan statistik perkahwinan campur ini menunjukkan petanda positif bagi penduduk multikultural kerana ia mempamerkan sikap keterbukaan masyarakat Malaysia untuk menerima orang lain dan kesediaan untuk memahami nilai berbeza daripada pasangan lain (<https://twentytwo13.my/news/mixed-marriages-continue-to-rise-in-malaysia/>).

Di Sabah, perkahwinan campur tidak hanya memberi impak kepada pembentukan identiti etnik baru seperti perkahwinan campur antara etnik pribumi Kadazandusun dengan etnik Cina sehingga membentuk identiti baru Sino-Kadazan (Danny Wong Tze-Ken, 2012). Malah, perkahwinan campur turut menjadi titik permulaan kepada sejarah penerimaan Islam dan faktor ini berlanjutan sehingga menyumbang kepada peningkatan pertukaran agama kepada Islam. Perkahwinan campur ini juga merupakan faktor penyumbang utama kepada peningkatan bilangan saudara baru dalam kalangan masyarakat pribumi Sabah (Suraya et al. 2018).

Kertas kerja ini mengetengahkan sejarah perkahwinan campur di antara Idahan dan Datu dari kepulauan Sulu yang telah lama berlaku iaitu anggaran abad ke-17. Hasil perkahwinan campur telah melahirkan pewaris berketurunan Datu yang

digelar sebagai Kedatuan-Idahan. Dalam artikel ini label 'Kedatuan-Idahan' merujuk kepada komuniti yang ahli-ahlinya mempunyai susur galur keturunan Datu yang berasal dari kepulauan Sulu yang telah berkahwin dengan wanita Idahan. Pengumpulan data menggunakan metode kualitatif melalui analisis kandungan teks dan temubual mendalam bersama beberapa informan terpilih yang terdiri daripada komuniti Kedatuan serta Idahan yang dijalankan di daerah Lahad Datu, Sabah. Perkahwinan campur ini tidak hanya melahirkan identiti baru tetapi turut memberi impak yang besar dalam perkembangan Islam di Lahad Datu, Sabah atas peranan yang dimainkan oleh Kedatuan Idahan yang menguasai politik di kawasan Teluk Darvel. Melalui jaminan perlindungan dan keselamatan kepada penduduk tempatan menjadikan ajaran Islam berkembang meluas dalam kalangan masyarakat pribumi terutama di pesisir pantai timur Borneo Utara. Penglibatan pemimpin Kedatuan dalam pertubuhan berasaskan Islam di Sabah turut menyumbang kepada peningkatan bilangan saudara baru melalui kegiatan dakwah yang dijalankan di daerah tersebut.

SOROTAN LITERATUR

KEDATUAN

Kedatuan merupakan suatu istilah yang diambil daripada gelaran Datu dan berasal dari kepulauan Sulu yang terletak di selatan Filipina. Gelaran Datu boleh dilihat dalam struktur sosial masyarakat Sulu yang terbahagi kepada tiga kategori, iaitu para aristokrat yang digelar Datu, orang kebanyakan dan golongan hamba (Juanito A., 1973). Golongan Datu mempunyai pengaruh yang besar dalam budaya politik Sulu serta mempunyai jumlah pengikut yang signifikan iaitu dalam kalangan keluarga yang terlibat dalam kegiatan pertanian, perdagangan dan pelaut. Pengaruh yang luas di daerah-daerah pentadbiran mereka dikaitkan dengan kekayaan yang diperolehi hasil dari kegiatan perdagangan (Roslindawati, 2017). Terdapat dua jenis golongan yang menggunakan gelaran Datu dalam sistem politik Kesultanan Sulu. Pertama, gelaran yang diperolehi oleh mereka yang mempunyai kaitan kekerabatan dengan Kesultanan Sulu. Kedua, gelaran yang diperolehi menerusi Sultan kepada mana-mana individu yang berkhidmat dan memberi sumbangan yang tinggi melalui keberanian, kepahlawanan dan kesetiaan mereka kepada pemerintah (Juanito A., 1973).

Golongan arsitokrat yang berperanan penting dalam bidang agama mendapat gelaran Salip (Sharif) yang dipercayai mempunyai kaitan dengan keturunan Nabi Muhammad s.a.w. Orang kebanyakan merupakan rakyat biasa yang diperintah oleh para datu Sulu. Mereka bertindak sebagai pengikut yang turut melambangkan keluasan pengaruh dan kekuasaan seseorang Datu. Sementara Banyaga dan Kiapangdilihan adalah golongan hamba yang diletakkan pada kedudukan terendah dalam institusi sosial masyarakat Sulu (Kee Sabariah et al. 2012).

Komuniti Tausug dan bahasanya berasal daripada beberapa gabungan etnik, iaitu Buranun, Tagimaha, Baklaya, orang Dampuan dan orang Banjar (Asreemoro, 2007). Mereka telah berhijrah ke Kepulauan Sulu sehingga membentuk satu kelompok masyarakat yang dikenali sebagai Tausug. Pembentukan masyarakat Tausug yang berkembang di Kepulauan Sulu telah mengalami fasa kegemilangan apabila agama Islam tersebar di serata Filipina sekaligus mengubah cara hidup mereka yang dibuktikan melalui kewujudan empayar Kesultanan Sulu yang unggul di Nusantara (Roslindawati, 2017).

Tausug menerima pengaruh Islam melalui jalan perdagangan oleh para pendakwah Islam yang datang ke Kepulauan Sulu sekitar akhir abad ke-13 atau sekurang-kurangnya awal abad ke-14. Anggaran ini diambil berdasarkan penemuan batu nisan orang Islam bertarikh 1310 masihi yang turut menggambarkan kewujudan koloni orang Islam daripada luar di Kepulauan Sulu. Cesar Adib Majul (1988) menganggarkan tarikh yang sama pendakwah bernama Tuan Mashaikha telah memasuki Kepulauan Sulu (Cesar Adib, 1974). Dakwah Islam tidak terhenti setakat itu malah Asreemoro (2007) mencatatkan terdapat beberapa lagi ulama yang datang menyebarkan ajaran Islam di Kepulauan Sulu yang kebanyakannya dipercayai terdiri daripada *ahlul bait*.

Masyarakat Tausug sangat terkenal dengan pegangan Islam sehingga ada pendapat menyatakan istilah Tausug ditafsirkan sebagai 'Tau Maisug' yang bermaksud 'orang yang berani'. Keberanian orang Tausug turut diakui oleh Sepanyol yang pernah menjajah Filipina sehingga mereka memberi gelaran 'Juramentado' ke atas kaum tersebut yang membawa maksud 'berani mati' atau dalam pengertian Islam dikenali sebagai 'Mujahadid' (Roslindawati, 2017). Selain itu, nama Suluk turut diambil sempena kegiatan perlautan yang menjadi nadi kepada sumber kehidupan masyarakatnya yang selalu meredah arus deras yang mengalir di

tengah lautan. Oleh itu, tidak menjadi suatu yang janggal apabila terdapat penulisan mengaitkan istilah Tausug atau Suluk dengan semangat sebagai pembela agama Islam umpama arus yang mengalir tanpa henti (Mohd. Fazil, 2018). Penghijrahan etnik Suluk ke Sabah bermula setelah sebahagian besar wilayah pantai timur Sabah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu pada abad ke-19 (Juanito A. 1973).

Sultan bukan hanya menjadi penaung kepada pentadbiran kerajaan yang menerapkan ajaran Islam di dalamnya malah penubuhan empayar kerajaan kesultanan Sulu itu sendiri dikaitkan dengan pendakwah yang membawa ajaran Islam ke kawasan tersebut. Perkara ini dinyatakan oleh Juanito A. Bruno dalam penulisan beliau:

"Abu Bakar, as Sultan, was the supreme head of the government. He was referred to as Sultan Shariful Hashim, first sultan of Sulu. He claimed descent from the Holy Prophet. Abu Bakar was successful not only in implanting Islam in Sulu but also undertaking the political organization of the government of the Sultanate which afforded the forbears of the present Tausug the knowledge of an organized government." (Juanito, 1973)

Melalui Sultan Sulu yang pertama, dakwah Islam tersebar meluas dari kawasan pergunungan sehingga ke kawasan pantai. Pengukuhan terhadap akidah Islam yang dipelopori oleh Sultan dan para ulama berjaya menyatukan masyarakat Tausug di bawah satu empayar sekaligus mengangkat kaum ini ke tahap yang gemilang. Nota-nota khutbah di Filipina tidak ketinggalan mencatatkan nama-nama sultan sebagai tanda kesetiaan dan kemuliaan kepada para pemerintah (Cesar Adib, 1988). Agama Islam bukan hanya mengajar kesetiaan mereka kepada sultan malah mendedahkan kepada mereka pengaruh yang sangat kuat dalam perjuangan menentang penjajah asing. Nafas keagamaan yang menyalakan semangat patriotisme inilah diteruskan oleh Sultan-sultan Sulu yang terkemudian dan para Datu yang turut menjadi inspirasi kepada masyarakat Tausug sejak sekian lama (Asreemoro, 2007).

Semangat kepimpinan para sultan dan Datu-datu yang sentiasa berpegang kepada nilai-nilai Islam membawa kepada jalinan hubungan baik dengan masyarakat luar termasuk di Borneo Utara. Antaranya dapat dilihat menerusi catatan Tom dan Barbara Harrison (1971) dalam *The Prehistory of Sabah* yang menyebut mengenai keakraban di antara orang Suluk dan Idahan yang bermula sejak abad ke-17 (T. Harrison, 1971). Hubungan baik antara orang Sulu dengan Idahan dikatakan terjalin sejak

pemeluk Islam oleh orang Idahan yang dikaitkan dengan peranan masyarakat daripada Sulu. Mutalib M.D. (1995) dalam penulisannya berpendapat, jika hubungan baik antara keduanya tidak pernah berlaku sudah tentu Idahan masih kekal mengamalkan kepercayaan pagan sehingga kini. Rentetan daripada hubungan atas sebab keagamaan telah membawa kepada hubungan perdagangan antara keduanya sehingga Idahan tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat daripada kepulauan Sulu terutama melalui perkahwinan campur. Perkahwinan dengan penduduk tempatan di Teluk Darvel dipercayai untuk memastikan pengukuhan kekuasaan mereka terhadap kawasan-kawasan di mana terdapatnya sarang burung (Warren 1981).

IDAHAN

Idahan merupakan satu etnik yang boleh ditemui di sekitar daerah Lahad Datu menuju ke Kinabatangan sehingga ke Sandakan (Jusman, 2016). Idahan pernah tinggal bersama dengan Begahak dan Subpan sebagai suatu kelompok manusia yang sama sebelum Idahan menerima ajaran Islam. Terdapat penulisan yang menerangkan istilah Idahan berasal daripada perkataan *beniddah* dalam bahasa Begahak yang bermaksud 'yang dikecualikan'. Pengecualian ini berlaku disebabkan masyarakat Idahan yang pada asalnya tidak beragama telah menerima Islam sebagai agama anutan mereka. Manakala Begahak dan Subpan masih kekal dengan kepercayaan animisme (Tom & Barbara 1971). Terdapat tiga sub kelompok rumpun etnik Isahan berdasarkan agama, bahasa dan tempat. Mereka yang tinggal di sekitar kawasan Lahad Datu dan Bergama Islam dikenali sebagai Idahan. Manakala mereka yang tinggal di kawasan sekitara Tungku dikenali sebagai Begahak. Mereka yang tinggal di kawasan Sandakan dan Kinabatangan pula dikenali sebagai Orang Sungai (<https://culture.sabah.gov.my/sites/default/files/e-book%20Etnik%20Idahan.pdf>).

Penulisan lepas turut menyebut Idahan sebagai Eraan, Erahan dan Sabahan. Eraan atau Erahan dikatakan sangat berkaitan dengan Buludupi dan merupakan pemilik kepada beberapa gua yang mengandungi sarang burung yang terletak di sekitar Teluk Darvel. Manakala Sabahan dikaitkan sebagai banyak persamaan dengan Eraan dan menanam mayat di dalam gua adalah salah satu daripada cara mereka menyemadikan jenazah nenek moyang mereka (Roth 1964). Istilah Sabahan diambil daripada nama petempatan Idahan yang terletak di Luk Seban atau Teluk Sabahan. Malah nama

Luk Seban turut ditemui dalam salah satu daripada koleksi kisah dongeng Idahan yang dikumpulkan oleh D.C. Moody (1988) dalam *Liton Idaan* yang menyebut Luk Seban sebagai sebuah petempatan berhampiran dengan kepulauan Sulu (David 1993). Piper (1988) menerangkan gelaran Eraan dan Sabahan atau turut dikenali dengan Lok Sabahan tidak mempunyai beza kerana ia merujuk kepada suku kaum Idahan yang dahulunya menetap di sekitar lembah Tingkayu menuju ke Teluk Darvel dan merupakan warganegara Malaysia serta penduduk asal negeri Sabah.

Usaha merekodkan maklumat atau klasifikasi etnik di Sabah dimulakan oleh SBBU menerusi banci penduduk tahun 1891, 1901 dan 1911. Namun begitu, para pegawai SBBU menghadapi kesukaran untuk mengklasifikasikan penduduk pribumi kerana kurangnya sumber tentang masyarakat ini dan kewujudan begitu banyak kelompok suku pribumi yang sukar ditentukan kategori etnik mereka (Siti Aidah, 2022). Jika dibandingkan dengan etnik lain di Sabah, perkembangan penduduk Idahan agak perlahan (Jusman, 2007). Mat Zin Mat Kib berpendapat etnik Idahan tidak dimasukkan dalam banci penduduk ketika zaman awal pemerintahan SBBU bermungkinan disebabkan bilangan mereka pada era tersebut terlalu sedikit (Mat Zin, 2003). Namun begitu, jumlah penduduk Idahan pertama kali dikenal pasti pada tahun 1901.

JADUAL 1. Banci penduduk Idahan dari tahun 1901-1931

Tahun bancian	Jumlah penduduk Idahan
1901	862
1911	947
1921	1031
1931	2 960

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan peningkatan jumlah penduduk Idahan di Sabah berlaku begitu perlahan dalam tempoh 30 tahun pertama bancian namun, meningkat lebih dari sekali ganda menjelang tahun 1931. Banci terkini penduduk Idahan tidak dapat dipastikan kerana Idahan diletakkan dalam kumpulan bumiputera lain dalam banci tahunan penduduk terutama selepas tahun 1970. Kali terakhir banci penduduk Idahan direkodkan iaitu pada tahun 1970 berjumlah 2089 orang. Angka ini sukar untuk diterima kerana banci tahun tersebut menunjukkan jumlah penduduk Idahan semakin mengecil berbanding banci ketika zaman penjajahan. Banker (1984) menganggarkan penduduk Idahan

pada tahun 1984 berjumlah 5000 hingga 6000 orang (Banker J., 1984). Pada masa kini penduduk Idahan dianggarkan berjumlah 20 000 hingga 25 000 orang (Jusman, 2016). Bilangan penduduk etnik Idahan yang agak sedikit ini menjadikan etnik ni sebagai etnik anak negeri yang minoriti di Sabah berbanding etnik lain seperti Kadazandusun, Bajau dan lain-lain. (<https://culture.sabah.gov.my/sites/default/files/e-book%20Etnik%20Idahan.pdf>).

Idahan amat sinonim dengan penglibatan mereka dalam aktiviti pengumpulan sarang burung dari gua-gua warisan nenek moyang mereka yang terletak di sekitar Teluk Darvel Idahan turut dikaitkan mempunyai hubungan baik dengan British sewaktu era kolonial yang dipercayai bertujuan memelihara keselamatan mereka daripada kumpulan *Segaii* atau pemenggal kepala dan kepentingan dalam kegiatan perdagangan sarang burung (Piper 1988). Perkampungan utama Idahan telah dikenal pasti oleh pihak kolonial menjadikan Idahan suatu komuniti yang boleh dianggap penduduk asal di kawasan petempatan mereka iaitu bermula dari Sabahan mengarah ke Teluk Darvel atau lebih dikenali pada masa kini dengan nama Lahad Datu (Piper 1988). Selain daripada menjalankan aktiviti pengumpulan sarang burung, mereka turut menjalankan aktiviti pertanian berpindah randah terutama penanaman padi huma (Temubual Onga B. Langadai, 24 Mac 2019).

Sejak sebelum era pemeluk Islam, masyarakat Idahan mengamalkan kepercayaan animisme sebagaimana kepercayaan penduduk pribumi yang lain di Kepulauan Borneo. Mereka dipercayai semangat roh dan jin yang mendiami gua-gua warisan nenek moyang mereka (Piper 1988). Ini kerana dahulunya Idahan menjadikan gua-gua warisan sebagai tempat pengebumian nenek moyang. Penghormatan kepada roh nenek moyang lazimnya ditunjukkan dengan pemberian sajian yang terdiri daripada nasi kunyit, ayam putih, pasu tembikar dan kambing (Mohamed Yusoff 1997). Kedatangan Islam telah banyak menghakis amalan kepercayaan lama masyarakat Idahan. Namun begitu, sehingga kini mereka amat menitik beratkan pantang larang tertentu terutamanya apabila berada di dalam gua warisan mereka (Jusman 2016). Idahan telah menerima ajaran Islam sekitar abad ke-14 melalui seorang pendakwah yang digelar Awliyah Karimul Makhdum yang dipercayai antara pendakwah yang sama menyebarkan Islam di kepulauan Sulu pertengahan abad ke 14 (Muhiddin 1990).

Sewaktu British mula mentadbir pantai timur Borneo Utara, Idahan merupakan antara penduduk tempatan terawal yang ditemui oleh British ketika itu. Catatan awal pentadbiran British menyebut Idahan mempunyai hubungan yang rapat dengan Buludupi dan kedua-duanya merupakan penganut ajaran Islam. Pengamalan ajaran Islam tidak begitu ditonjolkan namun terdapat catatan bahawa mereka menyebut nama Sultan Sulu dalam khutbah Jumaat Selain itu, hubungan Idahan dan Buludupi dengan Datu Sulu turut dikaitkan dengan jaminan perlindungan daripada musuh yang datang dari laut mahupun darat. Susulan daripada hubungan tersebut mengakibatkan berlakunya hubungan kekerabatan antara penduduk tempatan dengan para Datu Sulu (The British North Borneo Herald, March 1, 1886). Berdasarkan keterangan di atas memperlihatkan perkahwinan para Datu dengan penduduk tempatan bukan hanya berlaku dalam kalangan masyarakat Idahan malah perkahwinan campur tersebut turut berlaku dengan masyarakat daripada etnik lain di pantai timur Sabah. Kedatangan para Datu Sulu ke kawasan Teluk Darvel dan perkahwinan dengan penduduk tempatan dijangka menjadikan penyebaran dan perkembangan agama Islam berlaku secara meluas di kalangan penduduk tempatan. Menerusi kegiatan politik dan perkahwinan dengan penduduk tempatan, para Datu Sulu telah berjaya menguasai kawasan penting di pantai timur Borneo Utara dan sekaligus menyebarkan Islam di kawasan tersebut.


SEJARAH PERKAHWINAN CAMPUR IDAHAN KEDATUAN

Sejarah perkahwinan campur antara Idahan dan Kedatuan berlaku apabila seorang pembesar Kesultanan Sulu yang bergelar Datu Safiuddin berkahwin dengan anak perempuan kepada Rajo Tuo Sarong yang merupakan pemimpin utama masyarakat Idahan di Luk Seban (Teluk Darvel) dan pewaris kepada Abdullah, iaitu individu pertama Idahan yang memeluk Islam. Kebanyakan informan iaitu, Datu Ibrahim bin Datu Bangsawan, Jamiyah binti Datu Sibi dan Rasmah binti Babul memberikan maklumat yang sama berkenaan pembesar yang dimaksudkan iaitu Sultan Sulu bergelar Sultan Mustafa Safiuddin. Melalui jurai keturunan yang direkodkan oleh para pewaris Kedatuan menunjukkan wujudnya hubungan kekerabatan antara keturunan Kedatuan-Idahan dengan Kesultanan Sulu. Berdasarkan kajian Cesar

Adib Majul (1988) mencatatkan pemerintahan Sultan Mustafa Safiuddin bermula sekitar tahun 1710 sehingga 1718 (Cesar Adib 1988). Oleh itu, berkemungkinan hubungan baik antara Idahan dan Sulu bermula lebih awal lagi iaitu sekurang-kurangnya sejak akhir abad ke 16. Sebenarnya Rajo Tuo Sarong ingin menolak pinangan kerana anak perempuannya tidak berkenan untuk menerima pinangan Datu dari Sulu yang dikhabarkan memiliki ramai isteri. Namun, Rajo Tuo Sarong tetap mengahwinkan anaknya Rengot atas sebab menghormati kedudukan bangsawan daripada Sulu. Setelah berkahwin, Rengot dibawa ke Sulu dan dikurniakan gelaran Dayang Supailah. Pengurniaan gelaran Dayang kepada Rengot memberikan gambaran ketinggian taraf atau pangkat Datu Sulu yang mengahwini beliau.

Perkahwinan ini bukan sahaja menyebabkan terjalinnya ikatan antara Idahan dan Sulu, bahkan para pewaris yang termasuk di dalam jurai keturunan mereka telah membawa gelaran Datu

dan Dayang pada pangkal nama. Datu bukan sahaja tergolong dalam aristokrat Sulu malah dianggap mempunyai peranan penting dalam empayar Kesultanan Sulu yang mengangkat Islam sebagai agama anutan serta sendi kepada pentadbiran kerajaan. Oleh itu, gelaran Datu yang dibawa oleh pewaris Kedatuan mengukuhkan lagi identiti Islam di kalangan penduduk tempatan terutamanya masyarakat Idahan. Perkahwinan antara Datu Sulu dengan Rengot melahirkan waris bernama Datu Muhammad Jinurain yang telah dibesarkan oleh Rajo Tuo Sarong selepas kemangkatan bapanya. Bermula daripada pewaris pertama, gelaran Datu dan Dayang pada pangkal nama melambangkan kesinambungan keturunan Datu Sulu dengan wanita Idahan yang lebih dikenali sebagai Kedatuan-Idahan. Kemungkinan label Kedatuan-Idahan ini diguna pakai sejak sekian lama bagi menghormati komuniti Idahan yang mempunyai jalur keturunan kekerabatan dengan Sultan Sulu yang merupakan pemerintah tertinggi kerajaan.



RAJAH 1. Jurai Keturunan Kedatuan Idahan

Pada masa kini, populasi komuniti Kedatuan Idahan dianggarkan sekitar 500 orang dan kesemuanya beragama Islam (Temubual dengan Datu Ibrahim bin Datu Bangsawan, 25 Mac 2019). Perangkaan ini sukar dibuat memandangkan tidak terdapat sebarang kajian berkaitan perkahwinan campur antara Kedatuan dan Idahan. Sehingga kini, komuniti Kedatuan Idahan telah mendiami

kawasan daerah Lahad Datu dan petempatan utama mereka bertempat di Kampung Tabanak yang terletak kira-kira lima kilometer daripada pusat pentadbiran kerajaan dan kawasan bandar. Pada asalnya kawasan Lahad Datu dinamakan Kerugau yang diambil daripada bahasa Idahan membawa maksud tompok-tompok karang yang berselerak di sekitar pesisiran pantainya. Kedatangan para Datu

Sulu ke kawasan tersebut telah merubah nama asal daripada *Kerugau* kepada Lahad Datu. Nama Lahad Datu dipercayai berasal daripada bahasa Bajau yang membawa maksud Lahad adalah petempatan dan

Datu merujuk kepada golongan Datu Sulu yang datang ke Kerugau memberikan gambaran kawasan tersebut didiami oleh Datu-datu Sulu sejak sekian lama (Jusman 2006).



RAJAH 2. Perkampungan utama komuniti Kedatuan-Idahan

PERKEMBANGAN ISLAM DI LAHAD DATU

Perbincangan tentang perkembangan Islam di Sabah tidak dapat mengetepikan penglibatan Idahan sebagai penduduk yang terawal menerima ajaran Islam terutama di bahagian pantai timur negeri Sabah. Tom Harrison (1972) dan Muhiddin Yusin (1990) berpendapat pengislaman pertama oleh Abdullah yang berasal dari Lahad Datu Sabah pada tahun 1408M melalui pendakwah al-Makhdum yang datang daripada Sulu menjadi titik pertama sejarah kedatangan Islam ke negeri Sabah. Penemuan manuskrip Idahan dalam tulisan Jawi yang dimiliki oleh sebuah keluarga Idahan di daerah Lahad Datu telah diketengahkan oleh T. Harrison & Harrison (1971) ketika menjalankan kajian berkaitan prasejarah di Sabah menyelongkar kisah pengislaman Abdullah. Walaupun sebahagian kandungannya bersifat primitif namun keasliannya jelas tidak tercemar oleh sebarang unsur penambahan. Ia turut mengandungi kisah hikayat pra-Islam yang sangat bernilai. Manuskrip ini tidak hanya mengimbas kembali beberapa dekad pemeluk Islam oleh orang Idahan daripada kepercayaan animisme malah turut dijadikan sebagai kitab untuk merujuk hal agama dan hukum-hukum feqah (Suwaid, 1988).

Selain itu, terdapat manuskrip lain berupa kitab *feqah* yang ditulis berasaskan terjemahan daripada kitab-kitab *feqah* dalam bahasa Arab. Walaupun tidak menyatakan nama pengarang namun yang

pastinya manuskrip tersebut dipercayai ditulis oleh pendakwah yang datang daripada Sulu ke kawasan Teluk Darvel (Suwaid, 1998). Kewujudan kedua-dua manuskrip ini dilihat memadai bagi membuktikan pertapakan awal dan perkembangan Islam ke kawasan pesisir pantai timur negeri Sabah telah lama berlaku malah ajarannya dapat diamalkan oleh penduduk setempat. Sementara kedatangan pendakwah daripada Sulu menggambarkan berlakunya proses dakwah dan kegiatan keilmuan khususnya berkaitan ajaran Islam di kawasan tersebut. Bilangan orang Idahan yang memeluk Islam pada ketika itu tidak dapat dipastikan namun, kajian tidak menolak penerimaan penduduk tempatan terhadap Islam berlaku secara berperingkat-peringkat sebagaimana penerimaannya di lain-lain tempat di nusantara.

Kedatangan para Datu Sulu ke kawasan Teluk Darvel terutama pada abad ke-17, bukan hanya untuk menguasai perdagangan malah membawa bersama misi keagamaan. Kemungkinan besar kedatangan masyarakat daripada Sulu ini merupakan fasa kedua perkembangan Islam di kawasan pesisir pantai timur Sabah. Perkahwinan dengan penduduk tempatan mengukuhkan lagi kuasa politik para Datu di kawasan tersebut. Penduduk tempatan yang memeluk Islam diberikan keistimewaan serta perlindungan oleh para Datu dan pedagang Sulu (T. Harrison, 1978). Boleh dikatakan agama Islam telah digunakan sebagai alat politik yang membolehkan penduduk tempatan menikmati perlindungan daripada pemerintah-

pemerintah Islam iaitu Sultan Sulu dan para Datu. Sementara perkahwinan dengan penduduk tempatan bukan hanya mengembangkan populasi komuniti masyarakat Islam di pantai timur Sabah malah

menguatkan lagi identiti Islam dalam kalangan penduduk tempatan menerusi gelaran-gelaran yang menonjolkan pengaruh golongan aristokrat daripada sebuah kerajaan Islam di nusantara.

SABAH MALAYSIA
COLONY OF NORTH BORNEO
THE REGISTRATION OF BIRTHS AND DEATHS
ORDINANCE, 1948
CERTIFIED EXTRACT - BIRTH CERTIFICATE
(Section 31)

Serial No. 335/64
Date of Registration 1st June, 1964
Name of Child JAMIRAH bte D. SIBI
Date of Birth 31st May, 1964
Sex Female
Place of Birth Kg. Tabanac, Lahad Datu
Father's Name DATU SIBI bin D. AGASI
Occupation native chief
Race Sulok / Idahan
Mother's Name AMINAH bte ALAN
Race Idahan

I CERTIFY THAT the above is a true extract from the Birth
Register of this Colony
the District of Lahad Datu
Date of issue of extract 1st June, 1964
LAHAD DATU
(Signed) [Signature]
(Registrar)

RAJAH 3. Surat kelahiran Kedatuan

STATE OF SABAH
THE REGISTRATION OF BIRTHS AND DEATHS
ORDINANCE
CERTIFIED EXTRACT - BIRTH CERTIFICATE
(Section 31)

Serial No. 1189/70
Date of Registration 9th December, 1970
Name of Child Madali
Date of Birth 5th December, 1970
Sex Male
Place of Birth Kempong Tabanak
Father's Name Ibrahim Bin Datu Panggawaan
Occupation Guru
Race Sulok - Idahan
Mother's Name Pungut Binte Panggah
Race Idahan

I CERTIFY THAT the above is a true extract from the
Register of Sabah
the District of Lahad Datu
Date of issue of extract 9th December, 1970
LAHAD DATU
(Signed) [Signature]
(Registrar)

RAJAH 4. Surat kelahiran Kedatuan

Identiti Kedatuan Idahan ini boleh dilihat menerusi dokumen surat kelahiran mereka yang merekodkan bangsa Suluk-Idahan serta gelaran Datu dan Dayang pada pangkal nama. Sungguhpun nama anak kepada pemilik surat kelahiran tidak menggunakan gelaran Kedatuan namun catatan nama bapa memaparkan penggunaan gelaran tersebut. Kurangnya pengetahuan akan kepentingan untuk merekodkan gelaran Kedatuan menyebabkan generasi baru tidak memiliki gelaran yang sepatutnya diwarisi oleh para pewaris Kedatuan Idahan. Sungguhpun begitu, semua pewaris Kedatuan Idahan sehingga ke hari ini tetap digelar dengan gelaran Datu atau Dayang pada pangkal nama oleh masyarakat setempat yang mengenali mereka. Gelaran ini digunakan secara berterusan sehingga keturunan yang seterusnya dan hanya boleh digalur mengikut nasab bapa sahaja (Jusman, 2012). Oleh itu, jika sekiranya seorang wanita Kedatuan yang membawa gelaran Dayang berkahwin dengan orang biasa maka anak mereka tidak boleh mendapat gelaran tersebut. Dalam hal ini, anak kepada wanita tersebut terkeluar daripada sistem sosial Kedatuan dan digelar sebagai mantiri (Juanito, 1973).

Perkahwinan campur antara Datu Sulu dengan wanita Idahan turut memperkukuhkan lagi hubungan perdagangan antara penduduk tempatan terutama masyarakat Idahan dengan kerajaan Kesultanan Sulu yang mentadbir kawasan pantai timur Borneo Utara sekitar abad ke-17 sehingga abad ke 18. Keakraban tersebut terbukti dengan pengiktirafan para pemimpin utama masyarakat Idahan melalui pemberian gelaran sebagaimana yang diamalkan di Sulu. Antara gelaran yang diberikan oleh Sultan atau wakil sultan ialah Maharajo, Seri Rajo, Panglimo, Paduka, Imom (Imam) dan Bilor (Bilal) yang dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu (Temubual dengan Onga bin Langadai, 24 Mac 2019). Pemberian gelaran biasanya diumumkan ketika majlis keramaian bagi memastikan semua penduduk menggunakan gelaran yang diberikan kepada individu yang telah menerima gelaran (Jusman, 2007). Pentadbiran pemimpin yang digelar rajo dan maharajo di kawasan petempatan Idahan dapat digambarkan menerusi catatan pegawai British di Borneo Utara yang melaporkan tentang aktiviti perdagangan di kawasan Teluk Darvel seperti berikut:

"Then it was that Chinese junks running before the northerly moonsoon, came through the Philippine Islands to Sulu, and from thence, passing Tawi-tawi arrived at their terminal port in Darvel Bay, Looc Sabahan, dropping their goods as they went, crockery, ironware, silks and the like, and taking on board birdnests, beeswax and rattans to commence with and filling up with sea produce, cuttle fish, keema, mother of pearl shell, trepang and the like at the various islands they touched at on their way back. And so far for many years things went on quietly. All over this part of the east there were well directed kindoms or Rajahates; each chief having authority in his own district and respecting his neighbour. Agriculture and trade proceeding quiet, the people multiplying in the land; clumsy junks coming down all the way from Amoy and sailing about amongst the islands witout of pirates, and all was peace and prosperity"

(The British North Borneo Herald, April 1, 1885).

Penguatan politik para pemimpin Idahan di bawah pentadbiran kerajaan Kesultanan Sulu menjadikan kawasan petempatan Idahan berada dalam keadaan selamat dan aman. Pada ketika itu, seluruh masyarakat Idahan dipercayai telah memeluk ajaran Islam. Kedatangan para Datu Sulu bukan hanya menonjolkan pentadbir atau pemimpin Islam di kawasan Teluk Darvel malah kawasan petempatan Idahan boleh dianggap sebagai sebuah petempatan awal masyarakat Islam di pantai timur Sabah. Pengaruh Kedatuan berlanjutan sehingga British mula mentadbir Borneo Utara pada akhir abad ke 18 yang memperlihatkan peranan Kedatuan Idahan sebagai pemimpin masyarakat. Antaranya Datu Sibi, Datu Yahya, Datu Agasi dan Datu Jinurain. Sewaktu berlakunya penyusunan pentadbiran peribumi pada tahun 1903, peranan beberapa pemimpin Kedatuan Idahan lebih menonjol berbanding pemimpin Idahan terutama lantikan bagi jawatan peringkat pentadbiran daerah yang dianggap tinggi pada ketika itu. Golongan kedatuan ini dipercayai mendapat tempat di peringkat pentadbiran daerah kerana mempunyai hubungan yang baik dengan pihak British berbanding pemimpin Idahan yang hanya mempunyai kuasa di peringkat kampung sahaja (Jusman, 2007).

Perjuangan menjaga kepentingan agama Islam dan penganut-penganutnya di negeri Sabah yang mula mendapat perhatian yang lebih serius menjelang tahun 1960 menyaksikan kemunculan pelbagai persatuan Islam. Pemimpin utama Kedatuan Idahan tidak ketinggalan berkecimpung dalam dunia berpersatuan bersama pemimpin bumiputera Suluk yang lain di Tawau seperti Haji Abu Bakar Titingan dan Datu Jamalul. Persatuan Islam Tawau (PIT) sebagaimana persatuan Islam lain seperti

Persatuan Islam Sandakan (PIS) dan Persatuan Islam Putatan (PIP) hanya terbatas keahliannya kepada masyarakat di daerah masing-masing. Ketiga-tiga persatuan ini dikatakan serius dalam perjuangan untuk meningkatkan dan mengukuhkan kedudukan Islam serta penganut-penganutnya di Sabah berdasarkan tempoh kewujudan yang berpanjangan (Muhiddin, 1990). Namun, kegiatan persatuan tidak memberikan impak yang ketara dalam perkembangan Islam khususnya di daerah Lahad Datu. Kekurangan dan kelemahan persatuan kecil telah memberikan kesedaran pemimpin-pemimpin Islam untuk menubuhkan persatuan yang dapat menyatukan umat Islam dan memperjuangkan kedudukan Islam di negeri itu (Muhiddin, 1990). Menerusi pertubuhan United Sabah Islamic Association (USIA) mempamerkan penglibatan beberapa pemimpin Kedatuan iaitu Datu Sibi bin Datu Agasi, Datu Jinurain bin Datu Hassan, Datu Tumboyung bin Datu Hassan dan Datu Alam bin Datu Jinurain sebagai pemimpin utama dan ahli jawatankuasa USIA bahagian Lahad Datu (Melda, 2003). Peranan tersebut bukan hanya mempamerkan semangat keislaman dalam diri para Kedatuan malah memperlihatkan adanya sambutan daripada penduduk Islam di kawasan tersebut untuk sama-sama mengangkat sebuah organisasi Islam di negeri Sabah ke tahap yang lebih tinggi. Melalui USIA, seramai 8 orang pendakwah dihantar ke daerah Lahad Datu bermula tahun 1970 sehingga 1986 untuk menggalas tanggung jawab dalam kegiatan dakwah di daerah itu (Penyata/Laporan Tahunan USIA 1970-1986). Kemasukan para pendakwah merekodkan pengislaman saudara baru di daerah Lahad Datu sepanjang tahun 1979 sehingga 1984 seramai 979 orang (Statistik Pendaftaran Umum Saudara-saudara Baru di Daerah Lahad Datu, Bahagian DAKwah, USIA). Angka ini boleh dianggap sebagai kejayaan besar USIA dalam mengembangkan Islam di daerah tersebut.

Selain itu, pemimpin Kedatuan yang lain pernah menyandang jawatan dalam pertubuhan USIA iaitu Datu Nasrun bin Datu Mansur sebagai naib Yang DiPertua USIA Pusat dan Ketua USIA bahagian Lahad Datu. Di bawah kepimpinan beliau, aktiviti-aktiviti keagamaan dijalankan bagi memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan dengan ajaran Islam melalui penganjuran kursus-kursus agama dan pembelajaran al-Quran. Seterusnya, ahli pertubuhan turut mengambil bahagian dalam sambutan hari kebesaran Islam seperti perayaan *Maulud Nabi*. Amalan berkunjung ke rumah-rumah

orang Islam dan bukan Islam diperkenalkan dengan tujuan untuk menarik perhatian masyarakat terhadap lunas-lunas Islam (Melda, 2003). Amalan ini sudah tentu mendedahkan kefahaman yang lebih terhadap ajaran Islam di samping meningkatkan rasa hormat menghormati antara masyarakat berbilang kaum dan agama di daerah itu.

Gabungan beberapa buah persatuan sosial dan agama di seluruh Sabah menjadi kejayaan bermakna bagi para pemimpin Islam termasuk para pemimpin Kedatuan Idahan dalam menubuhkan parti politik bumiputera khususnya parti USNO. Semasa pelancaran kongres USNO pertama di Kudat, rombongan dari bahagian Lahad Datu telah diketuai oleh dua orang pemimpin Kedatuan Idahan iaitu Datu Sibi dan Datu Jinurain serta seorang lagi (Roslindawati, 2007). Kesungguhan rombongan ini untuk berhimpun di Kudat memberikan gambaran akan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat Kedatuan Idahan di Sabah semakin menonjol, sekaligus memperlihatkan penglibatan mereka dalam usaha mendapatkan kemerdekaan. Penglibatan pemimpin Kedatuan Idahan yang turut menjadi pengasas kepada Parti USNO di bahagian Lahad Datu memperlihatkan kecenderungan mereka ke arah mengukuhkan kedudukan masyarakat Islam melalui parti politik. Seterusnya, peranan pemimpin Kedatuan Idahan boleh dilihat sewaktu rancangan pembentukan Malaysia dan ketibaan Suruhanjaya Cobold ke Lahad Datu yang menyaksikan sokongan rakyat bagi membentuk Persekutuan Malaysia dan memberikan kemerdekaan kepada Borneo Utara (Roslindawati, 2017). Melalui peranan yang dimainkan oleh para pemimpin Kedatuan menjelaskan peri penting kedudukan mereka sebagai pemimpin beragama Islam di daerah Lahad Datu yang turut menjadi tulang belakang kepada pembentukan Malaysia.

KESIMPULAN

Sejarah perkahwinan campur antara Datu Sulu dengan wanita Idahan melahirkan pewaris yang memiliki identiti Kedatuan. Identiti ini bukan sesuatu yang boleh diperolehi dengan mudah kerana ia bukan sahaja diletakkan pada tingkat tertinggi dalam sistem sosial masyarakatnya, malah turut menjadi simbol kepada semangat pejuang Islam di Kepulauan Sulu suatu ketika dahulu. Kedatangan para Datu Sulu bukan hanya menguasai perdagangan malah turut menggunakan kuasa politik mereka

dalam mengembangkan ajaran Islam dalam kalangan penduduk tempatan. Menerusi perkahwinan campur dengan bangsawan daripada Sulu telah memberikan kelebihan kepada para pemimpin Idahan untuk mengukuhkan kedudukan politik di kawasan Teluk Darvel sekaligus menonjolkan kepemimpinan Islam di kawasan tersebut. Perkahwinan campur dijangka turut menyumbang ke arah peningkatan populasi masyarakat Islam dan menonjolkan petempatan awal komuniti Islam di pantai timur Sabah. Penglibatan mereka dalam pertubuhan USIA memaparkan peranan dalam perkembangan Islam sekaligus mengukuhkan kedudukan politik masyarakat Islam di daerah Lahad Datu. Sesungguhnya peranan yang dimainkan oleh para pemimpin Kedatuan boleh dianggap sebagai penyambung kepada semangat kepimpinan Datu Sulu yang pernah mentadbir dan mengembangkan Islam di kawasan pantai timur Sabah pada abad ke 17 sehingga abad ke 18.

PENGHARGAAN

Makalah ini dihasilkan daripada pengumpulan data penyelidikan yang dibiayai oleh Universiti Malaysia Sabah di bawah geran UMSGreat GUG0432-1/2019.

RUJUKAN

- Asreemoro. 2007. *Tausug dan Kesultanan Sulu*. Batu Cave: RNH Marketing Sdn Bhd.
- Banker, J. E. 1984. The Ida'an language. Dlm. *Languages of Sabah: A Survey Report*, disunting oleh King & King, 85-90. The Australian National University.
- Beniamin Jamaludin. 1990. *Borneo Mail*, 1 Februari, Suku Idahan Masih Kaya dengan Adat.
- British North Borneo Herald*, 19 (18), 1 Oktober 1901; L.W. Jones, North Borneo: Report On The Census of Population.
- British North Borneo Herald*, April 1, 1885, No. VIII, Vol. III.
- British North Borneo Herald*, Jil. 19 (18), 1 Oktober 1911.
- Bruno, J. A. 1973. *The Social World of The Tausug: A Study in Philippine Culture and Education*. Manila: Centri Escolsr University.
- Budi Anto Mohd. Tamring & Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2020. Amalan kahwin campur dalam kalangan masyarakat di Kota Kinabalu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(9): 149-162.
- Cesar Adib Majul. 1974. The Muslim in The Philippines: An historical perspective. Dlm. *The Muslim Filipino: Their History, Society and Contemporary Problems*, disunting oleh Peter, G. Gowing & Robert D. McAmis. Manila: Solidaridad Publishing House.
- Cesar Adib Majul. 1988. *Muslim di Filipina*, Terj: Shamsuddin Jaapar, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Harisson, T. & Harrison, B. 1971. *The Prehistory of Sabah*, Vol.VI. Kota Kinabalu: Sabah Society Journal Monograph.
- _____. Etnik Idahan: Aktiviti sosioekonomi menutip sarang burung secara warisan. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. <https://culture.sabah.gov.my/sites/default/files/e-book%20Etnik%20Idahan.pdf>, diakses pada 2 April 2023.
- Harrison, T. 1972. The advent of Islam in West and North Borneo. *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society* 45(1): 10-20.
- Jusman Aman Setia. 2012. Penglibatan Suku Kaum Idahan dalam aspek sosio ekonomi dan pentadbiran di Lahad Datu. Dlm. *Warisan Budaya Sabah Etnisiti dan Masyarakat*, 375-406. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Jusman Aman Setia. 2016. *Inventori Etnik Negeri Sabah: Etnik Idahan*. Kota Kinabalu: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah Kota Kinabalu. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar.
- Jusman Aman Setia. 2007. *Sejarah Awal dan Kemajuan Suku Idahan di Lahad Datu (1896 sehingga 1940)*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Kee Sabariah Kee Mohd Yusof & Asmiaty Amat. 2012. Suluk. Dlm. *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Lee, P. 2020. Mixed marriages continue to rise in Malaysia. <https://twentytwo13.my/news/mixed-marriages-continue-to-rise-in-malaysia/> by, November 30. Diakses pada: 2 April 2023.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Melda Salbat. 2003. *Perkembangan Dakwah Islamiah di Daerah Lahad Datu dari Tahun 1979 Sehingga Tahun 1984: Persaingan di antara Berjaya, Usno dan Kegiatan Pelbagai Pihak Lain*. Latihan Ilmiah Program Sejarah Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Mohamed Yusoff Ismail. 1997. Masyarakat minoriti Idahan dan ekologi sarang burung: Pengaruh sistem kekerabatan dalam pengurusan alam sekitar. *Akademika* 51: 3-21.
- Mohd Fazil Ajak & Nelson Dino. 2018. *Pis Lambang Masyarakat Sulu dalam PIS dan Pemikiran dan Identiti Suluk*. Kota Kinabalu: Pertubuhan Profesional Suluk Sabah (PROS).
- Moody, D. C. 1993. Tengkaput. Dlm. *Liton Ida'an*. Kota Kinabalu: Department of Sabah Museum.
- Muhiddin Yusin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mutalib, M. D. 1995. *Utusan Borneo*, 3 Mei. Gua Madai warisan suku kaum Idahan.
- Penyata/Laporan Tahunan USIA 1970-1986.

Piper, M. 1988. The Idahan. *Sabah Museum Monograph*, 11.

Pue Giok Hun. 2015. Perkahwinan campur dan fenomena Peranakan di Semenanjung Malaysia. *Siri Kertas Kajian Etnik*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Roslindawati Jakum. 2017. Penglibatan Pemimpin Masyarakat Suluk dalam Pembentukan Malaysia (1961-1966). Tesis sarjana. Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.

Roth, H. L. 1964. *The Natives of Sarawak and British North Borneo*. Singapore: University of Malaya Press.

Siti Aidah Lukin@Lokin, Suraya Sintang & Johan Johnes. 2022. Sejarah dan pengalaman hubungan etnik di Sabah: Kesepaduan dalam Kepelbagaian. *e-Bangi* 19(6): 183-194.

Statistik Pendaftaran Umum Saudara-saudara Baru di Daerah Lahad Datu, Bahagian Dakwah, USIA.

Suraya Sintang, Kasim Mansur, Dayangku Aslinah Abd. Rahim, Sarip Abdul, Dullah Muluk, Roslinah Mahmud. 2018. "Saudara baru" di Sabah: Isu dan Permasalahan Masakini. *Jurnal Penyelidikan Islam* 30: 140-160.

Suraya Sintang. 2018. Sejarah penyebaran dan perkembangan Islam di Sabah. Dlm. *Islam dan Masyarakat Melayu di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*, disunting oleh Mohammad Redzuan Othman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Warren, J. F. 1971. *The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau, 1878-1909: The Pacification of a Maritime Nomadic People*. The Centre for International Studies Athens: Ohio University.

SENARAI INFORMAN

Datu Ibrahim bin Datu Bangsawan

Berumur 72 tahun

Guru besar

Temubual pada 25 Mac 2019, Kg Tabanak Lahad Datu

Onga bin Langadai

Berumur 78 tahun

Mantan Ketua Anak Negeri (1980-1983), Mantan Ketua Daerah Lahad Datu (1984-2000) & Timbalan Pengerusi Majlis Adat Istiadat Suku Kaum Idahan (2002-2006)

Temubual pada 24 Mac 2019, Kg Terusan Lahad Datu

Jamiyah bte Datu Sibi

Berumur 50 tahun

Suri rumah

Anak kepada Datu Sibi bin Datu Agasi yang merupakan Mantan Ketua Anak Negeri (1957-1963) Ketua Daerah Lahad Datu (1963-1982) dan Pengerusi Majlis Adat Istiadat Suku Kaum Idahan (2002-2006)

Temubual pada 26 Mac 2019, Kg Sapagaya Lahad Datu

Rasmah Binti Babul

Berumur 77 Tahun

Suri rumah

Temubual pada 26 Mac 2019, Kg Tabanak Lahad Datu

Rosdiana Onga

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Universiti Malaysia Sabah

Suraya Sintang (Pengarang Koresponden)

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Universiti Malaysia Sabah

Corresponding author

Emel: suraya@ums.edu.my; surayasin12@gmail.com